

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (2)

Tarikh : 22 Mac 2016

**Ketua Pengarang
Utusan Malaysia**

Tuan,

MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA BERTAJUK "EMPAT BERADIK MOHON SIJIL KELAHIRAN" BERTARIKH 22 MAC 2016, SELASA – M.S: 29 (DALAM NEGERI)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Puan Asiah Yaakob berkaitan empat daripada tujuh orang anak beliau yang tiada sebarang dokumen pengenalan diri.

3. Hasil semakan mendapati, beliau tidak pernah mendaftarkan kelahiran keempat-empat anak beliau di mana-mana cawangan JPN. Pada 21.3.2016, pihak JPN telah hadir ke rumah pengadu dan telah diberikan empat set borang pendaftaran lewat kelahiran untuk dilengkapkan.

4. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama serius daripada pengadu untuk melengkapkan borang pendaftaran lewat kelahiran tersebut beserta dokumen sokongan. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan di kaunter JPN bagi membolehkan permohonan tersebut diproses seterusnya dikeluarkan sijil lewat kelahiran berdasarkan peraturan yang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' Sri KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)